



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN PENGILANG & INDUSTRI PERKHIDMATAN
BUMIPUTERA MALAYSIA (PENGILANG)
KE-29**

**22 JUN 2022
KUALA LUMPUR GOLF & COUNTRY CLUB, KUALA
LUMPUR**

SALUTASI

- i. **Yang Berbahagia Datuk Azman bin Yusoff, Presiden Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PENGILANG)**
- ii. **Yang Berbahagia Tuan Haji Rosli bin Abdul Shukor, Timbalan Presiden PENGILANG**
- iii. **YBhg Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP**
- iv. **Tuan Haji Abdul Hakim Amir Osman, Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Pungutan Zakat – MAIWP**
- v. **Barisan Jawatankuasa PENGILANG**
- vi. **Ahli-ahli PPIPBM dan para tetamu jemputan yang dihormati sekalian.**

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PENGILANG) kerana sudi menjemput saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 pada hari ini.
2. Saya dimaklumkan bahawa PENGILANG merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perniagaan Bumiputera nasional yang telah ditubuhkan lebih 35 tahun dahulu dengan fungsi untuk membantu meningkatkan jaringan, daya saing dan keupayaan usahawan-usahawan Bumiputera di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Walaupun singkatan namanya kini ialah PENGILANG tetapi ahlinya terdiri daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan.
3. Tahniah saya ucapkan kepada Presiden PENGILANG Datuk Azman Yusoff, yang telah menunjukkan daya kepimpinan yang tinggi dalam menerajui PENGILANG.
4. Dari tayangan '*video montage*' tadi, dapat saya lihat pelbagai program yang berjaya dilaksanakan hanya dalam tempoh 6 bulan dari AGM yang lepas.

5. Saya juga diberitahu pihak Persatuan juga sempat mengaturkan program luar negara sebaik sahaja kelonggaran SOP perjalanan luar diberikan. Ini menunjukkan Persatuan ini sememangnya aktif meningkatkan aktiviti perdagangan untuk ahli-ahli nya.
6. Sememangnya, jalan pemulihan ekonomi negara akan memakan masa, lebih-lebih lagi dengan tekanan faktor ekonomi luar yang dipengaruhi dengan faktor cetusan perang, wabak pandemik baharu, dan peningkatan kos bahan mentah.
7. Pelbagai cabaran telah ditempuhi oleh pemain industri perniagaan di negara ini, namun semangat yang kuat dan resilien di kalangan anda telah membantu kelangsungan perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemain industri khususnya PENGILANG atas semangat daya juang yang tinggi! Syabas saya ucapkan.
8. Sesungguhnya, penularan wabak Covid-19 telah memberi pengajaran dan pelajaran yang cukup besar buat kita semua. Komuniti peniaga khususnya tidak mempunyai pilihan lain selain beradaptasi dengan perubahan persekitaran perniagaan yang pantas beralih kepada

digitalisasi. Saya lihat, rata-rata pemain industri tidak mempunyai masalah besar di dalam perkara ini dan dapat mengadaptasikan teknologi dan sistem digital di dalam perniagaan mereka. Inilah kualiti yang perlu ada dalam setiap pemain industri, iaitu cepat beradaptasi dengan perubahan dan iklim perniagaan yang tidak menentu pada ketika ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Suka saya ingatkan di sini agar semua peniaga terus bersedia dengan sebarang kemungkinan. Pemulihan ekonomi dunia sedang berjalan dengan perlahan dan ada negara seperti China yang masih mengenakan 'lockdown' di negara mereka. Sekiranya negara ekonomi besar seperti China ini kembali aktif di lapangan ekonomi dunia, tentunya ini memberikan cabaran dan saingan kepada pemain industri di negara kita dan perlulah kita membuat persediaan yang sewajarnya.
10. Atas dasar keprihatinan Kerajaan terhadap Keluarga Malaysia, pelbagai jenis bantuan dan inisiatif dilaksanakan dan disalurkan kepada bukan sahaja pengguna, malahan pemain industri perniagaan dalam memastikan ekosistem ekonomi domestik di negara ini dapat terus dipacu dengan baik.

11. Dalam pengumuman minggu lepas, YAB Perdana Menteri turut memberi penumpuan kepada ketelusan harga pasaran. Program subsidi seperti subsidi ayam yang menelan belanja lebih RM1 billion pula disediakan bagi membantu perniagaan khususnya industri ternakan dalam menjamin keberadaan bekalan sekaligus memastikan kepentingan pengguna juga turut dijaga.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Selain pemberian subsidi, pihak kerajaan juga peka dengan impak jangka masa pendek berikutan keputusan Kerajaan untuk mengapungkan harga sesetengah komoditi. Bantuan Keluarga Malaysia yang melibatkan 8.6 juta penerima juga adalah antara inisiatif Kerajaan bagi menyalurkan bantuan terus kepada golongan sasaran dan meringankan kos sara hidup mereka.
13. Seperti negara lain, negara kita juga tidak terlepas dari mengalami tekanan inflasi. Mengikut kajian, kadar inflasi di Malaysia masih lagi rendah bukan sahaja berbanding dengan negara Barat, tetapi juga negara-negara jiran. Dan saya percaya selagi kerajaan mampu mewujudkan satu '*business environment*' yang sihat, maka para pemain industri semua akan bertambah maju dan ini akan

memberi peluang untuk mewujudkan pekerjaan baru yang memanfaatkan golongan pekerja.

14. Sesungguhnya, sebagai sebuah komuniti peniaga, suka saya ingatkan di sini agar anda semua dapat memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawab dengan penuh etika. Adalah menjadi harapan saya agar semua pemain industri khususnya ahli-ahli PENGILANG untuk menjalankan perniagaan dengan amanah dan tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan tidak munasabah. Saya berharap anda semua dapat bersama-sama Kerajaan membantu meringankan kos sara hidup rakyat di negara ini.

15. Saya memahami, kesukaran yang dilalui oleh komuniti peniaga selama dua tahun yang lalu. Namun saya berharap, peniaga semua dapat bersabar dalam usaha Kerajaan menyalurkan bantuan melalui program-program pemulihan kepada semua pihak yang terkesan.

16. Untuk pihak KPDNHEP sendiri, kami sememangnya komited untuk bekerjasama bersama dengan NGO seperti PENGILANG untuk menjalankan usahasama program-program jualan terus seperti Karnival Jualan. Tentunya program seumpama ini dapat memberi manfaat bukan

sahaja kepada pengguna tetapi usahawan-usahawan di bawah naungan persatuan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

17. Kerajaan juga komited untuk menyediakan landasan bagi para pemain industri tempatan meningkatkan perniagaan mereka untuk bersaing di rangkaian pasaraya besar. Beberapa jenama tempatan telah berjaya dibawa masuk melalui pelaksanaan pelbagai program seperti Kempen Beli Barangan Malaysia. Program seperti ini tentunya dapat menaiktaraf kualiti dan daya kompetitif usahawan Bumiputera

18. Dengan kerjasama dan hubungan erat antara Kementerian dan Persatuan, saya yakin Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia bakal menjadi tunjak pemacu pemulihan usahawan-usahawan dibawah naungannya. Dengan perancangan sistematik dalam setiap strategi teras, tentunya komuniti peniaga dapat mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

19. Saya ingin mengambil kesempatan ini dan berpesan kepada semua usahawan untuk mengukuhkan strategi perniagaan tahun hadapan agar dapat bersaing demi menjana kembali ekonomi negara. Dengan adanya kemudahan e-commerce dan kecanggihan teknologi, usahawan haruslah bergerak ke hadapan untuk mencari peluang yang lebih terbuka di peringkat global.

Hadirin dan Hadirat Sekelian,

20. Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas usaha PENGILANG pada hari ini. Saya berharap PENGILANG di bawah kepimpinan Datuk Azman Yusoff akan dapat terus menonjolkan diri sebagai sebuah organisasi NGO yang berkesan dalam menyokong usaha kerajaan untuk melonjakkan ekonomi Bumiputera khususnya melalui program-program yang dirancang.
21. Dengan ini saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PPIPBM Ke-29.

Sekian, terima kasih.